

06/09/2002

PM sahkan peletakan jawatan Dr Othman

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif yang juga Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), kerana sebab kesihatan.

Perdana Menteri berkata, tempat Othman akan diganti seseorang yang akan diumumkan kemudian.

"Beliau tidak lagi sebagai pengerusi eksekutif, tetapi beliau masih bersama MDC. Bebannya akan berkurangan (apabila) orang lain dilantik bagi menggantikannya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas berakhirnya hari pertama Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya, petang semalam.

Terdahulu, Dr Othman yang ditemui sebelum mesyuarat sesi petang disambung, mengesahkan melepaskan jawatan ketua eksekutif itu tetapi akan memegang jawatan selaku pengerusi bukan eksekutif MDC.

"Sebenarnya, saya tidak meletak jawatan. Saya menjadi (pengerusi) bukan eksekutif atas sebab kesihatan," katanya.

Othman yang enggan mengulas lanjut berkata, isu berkisar kepada kedudukannya itu perlu ditanya kepada Dr Mahathir sendiri.

Berita Harian semalam memetik sumber sebagai berkata bahawa Othman melepaskan jawatannya itu pada 1 September lalu tetapi akan kekal sebagai pengerusi bukan eksekutif MDC.

Bagaimanapun, pengunduran Othman daripada jawatan Pengerusi Eksekutif MDC tidak menjejaskan tugasnya ketika mesyuarat IAP MSC yang akan berakhir esok.

Othman menyandang jawatan Pengerusi Eksekutif MDC sejak 1 September 1996. Beliau sudah berkhidmat dalam kerajaan selama 31 tahun dan menjawat pelbagai tugas seperti Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan; Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama.